

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan kes penyelewengan, pemborosan dan penyalahgunaan (3P) dalam sektor perkhidmatan awam di negeri Pulau Pinang, Kelantan dan Selangor dari tahun 2011 sehingga 2014 dan bilangan kes yang sedang disiasat serta bilangan kes yang telah selesai siasatan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) hingga 2011, tindakan telah diambil oleh pihak Kementerian. Tindakan tersebut sama ada berbentuk tindakan tatatertib, surcaj atau tindakan di bawah Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM). Pada tahun berkenaan, tiada data kes LKAN yang menyentuh perkhidmatan awam di Pulau Pinang, Kelantan dan Selangor.

Pada tahun 2012, terdapat 1 kes melibatkan penjawat awam masing-masing di Pulau Pinang dan Kelantan. Bagi kes di Pulau Pinang, kes ini telah selesai disiasat dan diperakukan tidak wujud asas untuk dimulakan tindakan tatatertib. Manakala bagi kes di Kelantan pula, seorang penjawat awam telah dituduh di Mahkamah di bawah Akta SPRM.

Sekian. Terima kasih.